



AKSESORI- AKSESORI ALAT PENDENGARAN

BUKU BATERI DAN AKSESORI ALAT PENDENGARAN

Awda akan diberi Buku Bateri dan Aksesori Alat Pendengaran. Awda disarankan untuk membawa buku ini setiap kali awda ke Unit Audiologi untuk perjanjian awda ataupun untuk mendapatkan bantuan alat pendengaran.



Awda boleh mendapatkan aksesori-aksesori berikut dari Unit Audiologi ataupun Klinik ORL berdekatan.

BATERI ALAT PENDENGARAN



Awda boleh mengetahui saiz bateri dari pakej bateri. Bateri alat pendengaran terdapat dalam saiz 10, 13, 312 dan 675. Selain daripada itu, awda juga boleh mengetahui saiz bateri daripada warna pekat di belakang bateri (kuning, oren, coklat ataupun biru).

TIUB GETAH TELINGA



Selepas beberapa bulan, hos / tiub getah telinga akan mengeras ataupun mudah tercabut. Sila datang ke Unit Audiologi untuk mendapatkan tiub getah telinga baru.

ALAT PENGHEMBUS

Gunakan alat penghembus untuk menghembus keluar kotoran ataupun air daripada getah telinga.



KAPSUL PENERING



Kasul penering berfungsi sebagai penyerap air di dalam alat pendengaran.

Kapsul penering disimpan di dalam bekas kedap udara dengan alat pendengaran awda. Ingat untuk mengeluarkan bateri terlebih dahulu.

Keringkan alat pendengaran awda setiap malam. Sekiranya kapsul sudah berubah warna daripada kuning ke warna putih, awda boleh menggantikan kapsul tersebut dengan kapsul penering baru.

PEMERIKSA BATERI



Gunakan pemeriksa bateri untuk memastikan bateri alat pendengaran dapat digunakan atau tidak. Sila buang ke tong sampah jika bateri tidak berfungsi lagi.



MEMAHAMI ALAT PENDENGARAN



UNIT AUDIOLOGI

JABATAN OTORHINOLARINGOLOGI,
TINGKAT 3,
BANGUNAN KLINIK PAKAR,
HOSPITAL RAJA ISTERI PENGIRAN
ANAK SALEHA,
BRUNEI DARUSSALAM
TELEFON: 2232111 SAMB 5309

APAKAH ALAT PENDENGARAN DAN BAGAIMANA IA BERFUNGSI?



Alat pendengaran adalah sebuah alat penguat suara yang menggunakan bateri dan terletak di dalam ataupun di belakang telinga awda.

Alat pendengaran ini mengandungi mikrofon yang menerima bunyi dan menukarnya kepada signal elektrik. Signal ini akan dikuatkan dan ditukar kembali kepada bunyi yang awda dengar.

Kebanyakan alat pendengaran membolehkan awda mendengar keadaan sekeliling yang berbeza. Contohnya, mikrofon *directional* akan menangkap bunyi dari hadapan awda dan membolehkan awda fokus dalam keadaan bising. Pegawai Audiologis boleh menolong tiun alat pendengaran berdasarkan masalah pendengaran awda.



BAGAIMANA ALAT PENDENGARAN BOLEH MEMBANTU SAYA?



Kajian telah menunjukkan bahawa penggunaan alat pendengaran boleh meningkatkan kualiti kehidupan seseorang serta mengurangkan impak masalah pendengaran terhadap seseorang.

Memakai alat pendengaran tidak semestinya membuat bunyi lebih jelas — ianya bergantung kepada tahap dan jenis masalah pendengaran awda. Alat pendengaran sepatutnya membuat bunyi-bunyi lebih jelas pada tahap yang selesa untuk didengar.

Alat pendengaran direka untuk membantu awda mendengar bunyi-bunyi harian dan meningkatkan kebolehan untuk mendengar percakapan. Awda akan berasa lebih yakin untuk bercakap dengan orang lain. Awda juga boleh mendengar muzik dan televisyen pada tahap yang selesa bagi orang-orang di sekeliling awda.

Alat pendengaran juga boleh membantu awda sekiranya awda mengalami *tinnitus* (bunyi berdesing di telinga). Mendengar lebih banyak bunyi-bunyi persekitaran dapat membantu awda mengalih perhatian daripada *tinnitus* awda.



UNIT AUDIOLOGI

JABATAN OTORHINOLARINGOLOGI,
TINGKAT 3,
BANGUNAN KLINIK PAKAR,
HOSPITAL RAJA ISTERI PENGIRAN
ANAK SALEHA,
BRUNEI DARUSSALAM

TELEFON: 2232111 SAMB 5309



BAGAIMANA ALAT PENDENGARAN DIPASANG?

Jika awda memerlukan getah telinga, Audiologis awda akan mengambil acuan telinga awda supaya getah telinga itu nanti akan muat di telinga awda.

Audiologis akan memprogram alat pendengaran awda mengikut masalah pendengaran awda. Awda akan diajar bagaimana menggunakan dan menjaga alat pendengaran awda. Ini termasuklah memasang, membuka alat, menukar bateri, membersihkan getah telinga serta mengeringkan alat pendengaran awda.

BERAPA LAMAKAH SAYA AKAN MENYESUAIKAN DIRI DENGAN ALAT PENDENGARAN?

Pada mula-mula mendapatkan alat pendengaran, awda akan merasa seperti semua bunyi-bunyi lebih kuat ataupun suara awda berbunyi lain daripada biasa. Awda perlu ingat bahawa otak awda sudah lama tidak mendengar bunyi-bunyian. Kajian menyatakan bahawa seseorang mengambil masa sekurang-kurangnya sebulan untuk menyesuaikan diri dengan alat pendengaran.

Audiologis awda akan memberi tarikh perjanjian susulan untuk mengetahui perkembangan awda dengan alat pendengaran. Audiologis boleh mengubah 'setting' alat awda sekiranya awda merasa hampir kesemua bunyi yang didengari tidak selesa.